

Ketetapan Umum No. 6/2001

TEMPOH ASAS BAGI SUATU PUNCA PERNIAGAAN (INDIVIDU & ORANG SELAIN DARIPADA SYARIKAT / KOPERASI)

1.0 UNDANG-UNDANG CUKAI

Ketetapan ini menjelaskan pemakaian Seksyen 20 dan 21 **Akta Cukai Pendapatan 1967** . Ia berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2001 dan tahun-tahun taksiran seterusnya. Ketetapan ini menggantikan Ketetapan Umum No. 3/2000 bertarikh 1 Mac 2000.

2.0 PEMAKAIAN KETETAPAN INI

Ketetapan ini menjelaskan penentuan tempoh asas bagi:

- 2.1 individu atau orang selain daripada syarikat atau koperasi yang memulakan perniagaan baru;
- 2.2 individu atau orang selain daripada syarikat atau koperasi yang menukar tarikh perakaunan bagi perniagaannya yang sedia wujud; dan
- 2.3 individu yang menyertai suatu perkongsian.

3.0 BAGAIMANA UNDANG-UNDANG CUKAI DIGUNAPAKAI

- 3.1 Individu atau orang selain daripada syarikat atau koperasi [*rujuk perenggan 4.3*] dikenakan cukai pendapatan atas semua punca pendapatannya bagi suatu tahun taksiran [selepas ini juga disebutkan sebagai *T/T*].
- 3.2 Pendapatan daripada suatu punca adalah ditentukan berkaitan dengan tempoh asas bagi suatu tahun taksiran.

3.3 Am

Bagi punca perniagaan, melainkan jika perenggan 3.4 di bawah digunapakai, tahun asas bagi suatu tahun taksiran [*rujuk perenggan 4.4 dan 4.5*] adalah tempoh asas bagi tahun taksiran itu.

Contoh

Seorang individu menyediakan akaun dari 01.01.2001 hingga 31.12.2001.

Tahun asas yang berakhir pada 31.12.2001 adalah tempoh asas bagi T/T 2001 bagi punca perniagaan individu itu.

3.4 Akaun disediakan untuk 12 bulan yang tidak berakhir pada 31 Disember

Jika akaun perniagaan disediakan untuk 12 bulan berakhir pada suatu tarikh yang selain daripada 31 Disember dalam suatu tahun asas, tempoh perakaunan itu adalah tempoh asas bagi tahun taksiran di mana akaun itu ditutup.

Contoh

Seorang individu menyediakan akaun dari 01.07.2000 hingga 30.06.2001.

Tempoh dari 01.07.2000 hingga 30.06.2001 adalah tempoh asas bagi T/T 2001 untuk punca perniagaan individu itu.

3.5 Permulaan perniagaan

3.5.1 Akaun disediakan bagi tempoh kurang atau lebih daripada 12 bulan yang berakhir pada 31 Disember

Jika perniagaan dimulakan dan akaun pertamanya disediakan bagi tempoh kurang atau lebih daripada 12 bulan yang berakhir pada 31 Disember, tempoh asas bagi tahun taksiran adalah tempoh yang berakhir pada 31 Disember.

Contoh 1

Seorang individu memulakan perniagaan pada 11.05.2001 dan akaunnya ditutup pada 31.12.2001.

Tempoh perakaunan dari 11.05.2001 hingga 31.12.2001 adalah tempoh asas bagi T/T 2001.

Contoh 2

Seorang individu memulakan perniagaan pada 01.09.2001 dan akaunnya ditutup pada 31.12.2002.

Tempoh dari 01.09.2001 hingga 31.12.2001 adalah tempoh asas bagi T/T 2001.

Tempoh dari 01.01.2002 hingga 31.12.2002 adalah tempoh asas bagi T/T 2002.

3.5.2 Akaun disediakan bagi tempoh 12 bulan

Jika perniagaan dimulakan dan akaun pertamanya disediakan bagi tempoh 12 bulan, tempoh perakaunan itu adalah tempoh asas bagi tahun taksiran di mana akaun ditutup.

Contoh

Seorang individu memulakan perniagaan pada 01.07.2001 dan akaun pertamanya disediakan bagi tempoh 01.07.2001 hingga 30.06.2002.

Tempoh perakaunan dari 01.07.2001 hingga 30.06.2002 adalah tempoh asas bagi T/T 2002. Tiada tempoh asas bagi T/T 2001.

3.5.3 Akaun disediakan bagi tempoh kurang atau lebih daripada 12 bulan yang tidak berakhir pada 31 Disember

Jika perniagaan dimulakan dan akaun pertamanya disediakan bagi tempoh kurang atau lebih daripada 12 bulan yang tidak berakhir pada 31 Disember, tempoh asas bagi tahun taksiran adalah tahun berakhir pada 31 Disember setiap tahun sehingga akaun disediakan bagi tempoh perakaunan 12 bulan.

Contoh 1

Suatu perniagaan dimulakan pada 26.06.2001 dan akaunnya disediakan hingga 30.04.2002 (>10 bulan), dan seterusnya hingga 30.04.2003.

Tempoh asas bagi T/T 2001 adalah 26.06.2001 hingga 31.12.2001.

Tempoh asas bagi T/T 2002 adalah 01.01.2002 hingga 31.12.2002.

Tempoh asas bagi T/T 2003 adalah 01.05.2002 hingga 30.04.2003.

Contoh 2

Suatu perniagaan dimulakan pada 26.06.2001 dan akaunnya disediakan hingga 30.09.2002 (>15 bulan), dan seterusnya hingga 30.09.2003.

Tempoh asas bagi T/T 2001 adalah 26.06.2001 hingga 31.12.2001.

Tempoh asas bagi T/T 2002 adalah 01.01.2002 hingga 31.12.2002.

Tempoh asas bagi T/T 2003 adalah 01.10.2002 hingga 30.09.2003.

3.6 Pertukaran tarikh perakaunan

3.6.1 Akaun biasa berakhir pada 31 Disember

Jika akaun biasanya ditutup pada 31 Disember dan berlaku pertukaran tarikh perakaunan, tempoh asas dalam tahun berlakunya pertukaran adalah tahun berakhir 31 Disember. Tempoh asas bagi tahun taksiran berikutnya juga adalah 31 Disember, melainkan jika terdapat tempoh perakaunan 12 bulan yang berakhir dalam tahun itu, yang mana tempoh perakaunan tersebut adalah merupakan tempoh asas. Seterusnya, tempoh perakaunan 12 bulan adalah merupakan tempoh asas.

Contoh 1

Seorang individu biasanya menutup akaun pada 31 Disember. Beliau menukar tarikh perakaunannya kepada 30 September dan menyediakan akaun seperti berikut: 01.01.2001 hingga 30.09.2001, dan seterusnya hingga 30 September setiap tahun.

Tempoh asas bagi T/T 2001 adalah 01.01.2001 hingga 31.12.2001.

Tempoh asas bagi T/T 2002 adalah 01.10.2001 hingga 30.09.2002.

Contoh 2

Seorang individu biasanya menutup akaun pada 31 Disember. Beliau menukar tarikh perakaunannya kepada 31 Mac dan menyediakan akaun seperti berikut: 01.01.2001 hingga 31.03.2002, dan seterusnya hingga 31 Mac setiap tahun.

Tempoh asas bagi T/T 2001 adalah 01.01.2001 hingga 31.12.2001.

Tempoh asas bagi T/T 2002 adalah 01.01.2002 hingga 31.12.2002.

Tempoh asas bagi T/T 2003 adalah 01.04.2002 hingga 31.03.2003.

3.6.2 Akaun biasa tidak berakhir pada 31 Disember dan akaun baru disediakan bagi tempoh kurang daripada 12 bulan

A. Akaun baru berakhir dalam tahun berikutnya

Tempoh perakaunan baru itu adalah tempoh asas bagi tahun taksiran dalam tahun gagal [*rujuk perenggan 4.6*].

Contoh

Akaun seorang individu biasanya disediakan untuk tempoh berakhir pada 30 September. Beliau menukar tarikh perakaunannya dan akaun kini ditutup pada 31 Mac. Akaun disediakan seperti berikut: 01.10.2000 hingga 30.09.2001, 01.10.2001 hingga 31.03.2002 (6 bulan), dan hingga 31 Mac bagi tahun-tahun

seterusnya.

Tempoh asas bagi T/T 2002 (tahun gagal) adalah 01.10.2001 hingga 31.03.2002 (6 bulan).

Tempoh asas bagi T/T 2003 adalah 01.04.2002 hingga 31.03.2003.

B Akaun baru dan akaun terakhir berakhir dalam tahun yang sama

Tempoh perakaunan baru bersama dengan tempoh perakaunan berikutnya adalah tempoh asas bagi tahun taksiran dalam tahun gagal.

Contoh

Akaun seorang individu biasanya disediakan untuk tempoh berakhir pada 30 Jun. Beliau menukar tarikh perakaunannya dan akaun kini ditutup pada 31 Disember. Akaun disediakan seperti berikut: 01.07.2000 hingga 30.06.2001, 01.07.2001 hingga 31.12.2001 (6 bulan), 01.01.2002 hingga 31.12.2002, dan hingga 31 Disember bagi tahun-tahun seterusnya.

Oleh kerana tempoh perakaunan baru 01.07.2001 hingga 31.12.2001 dan tempoh perakaunan terakhir 01.07.2000 hingga 30.06.2001 berakhir pada tahun asas yang sama:

Tempoh asas bagi T/T 2002 (tahun gagal) adalah 01.07.2001 hingga 31.12.2002 (18 bulan).

Tempoh asas bagi T/T 2003 adalah 01.01.2003 hingga 31.12.2003.

3.6.3 Akaun biasa tidak berakhir pada 31 Disember dan akaun baru disediakan bagi tempoh melebihi 12 bulan

A. Akaun baru berakhir dalam tahun berikutnya

Tempoh perakaunan baru adalah tempoh asas bagi tahun taksiran dalam tahun gagal.

Contoh

Akaun seorang individu biasanya disediakan untuk tempoh berakhir pada 31 Julai. Beliau menukar tarikh perakaunannya dan akaun kini ditutup 31 Oktober. Akaun disediakan seperti berikut: 01.08.2001 hingga 31.10.2002 (15 bulan), dan hingga

31 Oktober bagi tahun-tahun seterusnya.

Tempoh asas bagi T/T 2002 (tahun gagal) adalah 01.08.2001 hingga 31.10.2002 (15 bulan).

Tempoh asas bagi T/T 2003 adalah 01.11.2002 hingga 31.10.2003.

B. Akaun baru berakhir dalam tahun ketiga

Jika tempoh perakaunan baru menjangkau 3 tahun asas, tempoh perakaunan baru itu adalah dibahagikan kepada dua tempoh yang sama-rata dan kedua-dua tempoh itu diambil sebagai tempoh asas untuk 2 tahun taksiran pertama bermula dalam tahun gagal.

Contoh

Akaun seorang individu biasanya disediakan untuk tempoh berakhir pada 30 November. Terdapat kegagalan menutup akaun pada tarikh perakaunan biasa dan akaun disediakan untuk tempoh lebih daripada 12 bulan dari 01.12.2000 hingga 28.02.2002 (15 bulan), dan hingga 28 Februari bagi tahun-tahun seterusnya.

Tempoh perakaunan 01.12.2000 hingga 28.02.2002 (15 bulan) adalah dibahagikan kepada 2 tempoh, supaya:

Tempoh asas bagi T/T 2001 (tahun gagal) adalah tempoh 01.12.2000 hingga 31.07.2001 (8 bulan); dan

Tempoh asas bagi T/T 2002 adalah tempoh 01.08.2001 hingga 28.02.2002 (7 bulan).

[Dalam menentukan tempoh asas bagi situasi di perenggan 3.6.2 dan 3.6.3 di atas, perlu dipastikan tiada sebarang ketinggalan tempoh perakaunan atau tahun taksiran dan tidak berlaku tempoh asas yang bertindih. Mana-mana bahagian sesuatu bulan hendaklah dianggap terjatuh ke dalam tempoh pertama.]

3.7 Individu menyertai suatu perkongsian

3.7.1 Menyertai suatu perkongsian baru

Jika seorang individu menyertai suatu perkongsian baru, tempoh asas individu itu bagi punca perkongsian adalah ditentukan seperti dalam kes perniagaan baru [*rujuk perenggan 3.5.1, 3.5.2 atau 3.5.3*].

Contoh

Seorang individu menyertai suatu perkongsian yang memulakan per- niagaan pada 18.02.2001. Akaun pertama disediakan hingga 30.09.2001 dan akaun seterusnya disediakan hingga 30 September setiap tahun.

Tempoh asas bagi punca perkongsian individu itu adalah seperti berikut [rujuk perenggan 3.5.3] :

T/T 2001: 18.02.2001 hingga 31.12.2001

T/T 2002: 01.10.2001 hingga 30.09.2002

3.7.2 *Menyertai suatu perkongsian yang sedia wujud dan tarikh per- akaunan biasa perkongsian itu dikekalkan*

Jika seorang individu menyertai perkongsian yang sedia wujud dan akaun perkongsian itu terus disediakan mengikut tarikh perakaunan yang biasa, tempoh asas pertama bagi individu itu berhubung dengan punca perkongsiannya adalah dari tarikh beliau menyertai perkongsian itu hingga tarikh akaun perkongsian ditutup. Seterusnya, tempoh asas adalah tempoh perakaunan perkongsian.

Contoh

Seorang individu menyertai suatu perkongsian sedia wujud pada 01.02.2001. Akaun perkongsian biasanya disediakan hingga 31 Mac. Akaun perkongsian terus disediakan untuk tempoh hingga 31.03.2001.

Tempoh asas bagi T/T 2001 bagi punca perkongsian individu itu adalah 01.02.2001 hingga 31.03.2001.

Tempoh asas bagi T/T 2002 adalah 01.04.2001 hingga 31.03.2002.

3.7.3 *Menyertai suatu perkongsian yang sedia wujud dan tarikh perakaunan biasa perkongsian ditukar*

Jika seorang individu menyertai perkongsian yang sedia wujud dan perkongsian itu menukar tarikh perakaunan biasanya, perkongsian

itu dianggap sebagai suatu perkongsian baru dan tempoh asas bagi punca perkongsian ditentukan sama seperti dalam kes perniagaan baru [*rujuk perenggan 3.5.1, 3.5.2 atau 3.5.3*].

Contoh 1

Seorang individu menyertai suatu perkongsian sedia wujud pada 01.07.2001. Akaun perkongsian biasanya ditutup pada 31 Disember, tetapi dengan penyertaan rakan kongsi baru, tarikh perakaunan ditukar kepada 30 Jun. Akaun perkongsian disediakan seperti berikut:

01.01.2000 hingga 31.12.2000 (perkongsian lama)

01.01.2001 hingga 30.06.2001 (perkongsian lama)

01.07.2001 hingga 30.06.2002 (perkongsian baru)

01.07.2002 hingga 30.06.2003 (perkongsian baru)

Tempoh asas bagi punca perkongsian adalah seperti berikut:

<i>Rakan kongsi</i>	<i>T/T</i>	<i>Tempoh asas</i>
Individu (rakan kongsi baru)	2001	Tiada
	2002	01.07.2001 - 30.06.2002
	2003	01.07.2002 - 30.06.2003
Rakan kongsi sedia wujud	2000	01.01.2000 - 31.12.2000
	2001	01.01.2001 - 31.12.2001*
	2002	01.07.2001 - 30.06.2002*
	2003	01.07.2002 - 30.06.2003

[*Ekoran daripada pertukaran tarikh perakaunan (*rujuk perenggan 3.6.1*)]

-

Contoh 2

Seorang individu menyertai suatu perkongsian sedia wujud pada 01.04.2001. Akaun perkongsian biasanya ditutup pada 30 Jun,

tetapi dengan penyertaan rakan kongsi baru, tarikh perakaunan ditukar kepada 31 Mac. Akaun perkongsian disediakan seperti berikut:

01.07.1999 hingga 30.06.2000 (perkongsian lama)

01.07.2000 hingga 31.03.2001 (perkongsian lama)

01.04.2001 hingga 31.03.2002 (perkongsian baru)

0 1.04.2002 hingga 31.03.2003 (perkongsian baru)

Tempoh asas bagi punca perkongsian adalah seperti berikut:

<i>Rakan kongsi</i>	<i>T/T</i>	<i>Tempoh asas</i>
-	2001	Tiada
	2002	01.04.2001 - 31.03.2002
	2003	01.04.2002 - 31.03.2003
Rakan kongsi sedia wujud	2000	01.07.1999 - 30.06.2000
	2001	01.07.2000 - 31.03.2001*
	2002	01.04.2001 - 31.03.2002
	2003	01.04.2002 - 31.03.2003

[*Ekoran daripada pertukaran tarikh perakaunan (*rujuk perenggan 3.6.2.A*)]

3.8

Pengendalian pendapatan / kerugian larasan dalam tempoh bertindih

Jika pemakaian perenggan 3.5.3 atau perenggan 3.6.1 mengakibatkan 2 tempoh asas yang bertindih [*rujuk Contoh 1 & 2 di perenggan 3.5.3 dan Contoh 1 & 2 di perenggan 3.6.1*], pendapatan larasan atau kerugian larasan bagi tempoh yang sama dalam kedua-dua tempoh asas tidak diambilkira dalam tempoh asas yang kedua.

Contoh

Perniagaan seorang individu bermula pada 01.07.2001 dan akaun disediakan seperti berikut: 01.07.2001 hingga 31.03.2002, 01.04.2002 hingga 31.03.2003, dan seterusnya hingga 31 Mac.

Pendapatan larasan individu itu adalah seperti berikut:

Tempoh perakaunan Pendapatan larasan

01.07.2001 hingga 31.03.2002 [A]RM15,000

01.04.2002 hingga 31.03.2003 [B] RM24,000

Menurut perenggan 3.5.3, tempoh asas bagi individu itu adalah:

T/T Tempoh asas

2001 01.07.2001 - 31.12.2001 (6 bulan)

2002 01.01.2002 - 31.12.2002 (12 bulan)*

2003 01.04.2002 - 31.03.2003 (12 bulan)*

[*Tempoh bertindih: 01.04.2002 - 31.12.2002]

Pendapatan larasan hendaklah dibahagikan seperti berikut:

<i>T/T & Tempoh asas</i>	<i>Pembahagian</i>	<i>Pendapatan larasan</i>
2001 [01.07.2001 - 31.12.2001]	01.07 - 31.12.2001: 6 / 9 x [A] (6 / 9 x RM15,000)	10,000
2002 [01.01.2002 - 31.12.2002]	01.01 - 31.03.2002: 3 / 9 x [A] (3 / 9 x RM15,000) 01.04 - 31.12.2002: 9 / 12 x [B] (9 / 12 x RM24,000)	5,000 <u>18,000</u> <u>23,000</u>
2003 [01.04.2002 - 31.03.2003]	Pendapatan larasan bagi tempoh bertindih (01.04.2002 - 31.12.2002) tidak diambilkira dalam tempoh asas kedua: (RM24,000 - RM18,000)	6,000

4.0 INTERPRETASI

Bagi maksud ketetapan ini:

- 4.1 Jika pertukaran tarikh perakaunan dibuat dalam 2 tempoh perakaunan yang berturutan dan penentuan menurut perenggan 3.6 di atas tidak boleh digunakan kerana suatu tahun taksiran atau tempoh perakaunan akan tertinggal, tempoh asas akan ditentukan oleh Ketua Pengarah atas permohonan daripada individu atau orang selain daripada syarikat atau koperasi.
- 4.2 Dalam kes pembahagian tempoh perakaunan, mana-mana bahagian daripada suatu bulan akan dianggap terjatuh ke dalam tempoh pertama [*rujuk Contoh di perenggan 3.6.3.B*].
- 4.3 "Orang selain daripada syarikat atau koperasi" termasuk keluarga sekutu Hindu, badan amanah, harta pusaka di bawah pendtabiran, kelab dan persatuan.
- 4.4 "Tahun asas bagi tahun taksiran" bermaksud tahun kalendar yang bersamaan dengan tahun taksiran.
- 4.5 "Tahun taksiran" bermaksud tahun kalendar.
- 4.6 "Tahun gagal" bermaksud tahun dalam mana terdapat kegagalan menutup akaun pada tarikh perakaunan biasa (di mana tempoh perakaunan biasa bukan 31 Disember).

(Tarikh Keluaran: 30 April 2001)